
SIARAN MEDIA

**DELEGASI KESATUAN EROPAH KE MALAYSIA MEMBUAT KUNJUNGAN
HORMAT KE MyCC**

KUALA LUMPUR, 27 DISEMBER 2017 – Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia, yang diketuai oleh Duta, Maria Castillo Fernandez telah mengadakan kunjungan hormat kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) untuk menjalinkan hubungan yang lebih erat dan memperkukuhkan lagi kerjasama di antara dua negara ini.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua pihak berkongsi dan saling bertukar pendapat dan pandangan berkaitan isu-isu persaingan di dalam bidang kuasa masing-masing.

“Kami berharap kerjasama seperti ini akan terus membantu MyCC dalam kerja-kerja penguatkuasaan dan pada masa yang sama terus mengukuhkan organisasi dalam melaksanakan undang-undang persaingan di Malaysia,” kata Dato’ Jagjit Singh, Anggota Suruhanjaya.

Kunjungan hormat tersebut telah memberikan pandangan yang lebih mendalam ke arah memahami dan menghargai prinsip serta perspektif kedua-dua pihak mengenai pelbagai perkara yang berkaitan dengan polisi dan undang-undang persaingan.

Ia juga memperkukuhkan hubungan antara MyCC dan Suruhanjaya Eropah serta melambangkan hubungan erat yang telah dijalinkan di antara kedua-dua bidang kuasa tersebut.

--tamat--

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Noorliza Abdul Latiff, Tel +603 2273 2277 (ext 111), E-mel: noorliza@mycc.gov.my

Bahagian Hal Ehwal Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penaltipenalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web www.mycc.gov.my